



PEJABAT KETUA PENDAFTAR
MAHKAMAH PERSEKUTUAN MALAYSIA

BULETIN

@ PSIKOLOGI

PEJABAT KETUA PENDAFTAR MAHKAMAH PERSEKUTUAN MALAYSIA (PKPMP)

BIL 2 TAHUN 2026

BULETIN @ PSIKOLOGI

BULETIN PSIKOLOGI & AKRAB PKPMP

Bil. 2 Tahun 2026

FEB 2026

PROGRAM DERMA DARAH ANJURAN BERSAMA RAKAN PEMBIMBING PERKHIDMATAN AWAM (AKRAB) MAHKAMAH TERENGGANU DAN PEJABAT KESIHATAN NEGERI TERENGGANU

TERENGGANU, 4 Februari 2026 - AKRAB Mahkamah Terengganu dengan kerjasama Pejabat Kesihatan Negeri Terengganu telah menganjurkan Program Derma Darah bertempat di Dewan Serbaguna, Kompleks Mahkamah Kuala Terengganu. Program ini dirasmikan oleh YBrs. Tuan Mohd Azhar bin Othman, Pengarah Mahkamah Negeri Terengganu. Penganjuran program bertujuan meningkatkan kesedaran dalam kalangan warga mahkamah tentang kepentingan menderma darah sebagai tanggungjawab sosial dan amalan murni.



Program tersebut menerima sambutan menggalakkan dengan kehadiran 80 orang yang terdiri daripada pegawai dan kakitangan mahkamah, anggota polis, kakitangan pembersihan, Pengawal Keselamatan serta Peguam. Turut diadakan pameran dan pemeriksaan kesihatan percuma oleh kakitangan Hospital Sultanah Nur Zahirah. Sebanyak 30 beg darah berjaya dikumpulkan. Secara keseluruhan, program ini mencapai objektif yang ditetapkan dan berjaya memupuk kesedaran tentang kepentingan amalan derma darah dalam masyarakat.



PROGRAM PRIHATIN ANJURAN AKRAB MAHKAMAH TAWAU DENGAN KERJASAMA KELAB PERSADA



TAWAU SABAH, 6 Februari 2026 - Program Prihatin AKRAB Mahkamah Tawau Sabah dengan kerjasama Kelab Persada telah menganjurkan Program Prihatin bagi membantu mangsa kebakaran bertempat di Batu 2, Jalan Apas, Tawau. Kutipan sumbangan telah dijalankan bermula 3 hingga 6 Februari 2026 di Mahkamah Tawau dan penyerahan sumbangan telah dibuat pada 6 Februari 2026 di Kompleks Sukan Tawau.

Hasil daripada program ini, sebanyak 203 helai pakaian terpakai dalam keadaan baik telah berjaya dikumpulkan serta RM424.00 sumbangan tunai telah diterima daripada pegawai dan kakitangan Mahkamah Tawau. Pakaian yang diterima telah diasingkan dan dibungkus mengikut kategori sebelum diserahkan kepada mangsa. Seramai 12 orang kakitangan telah terlibat secara langsung dalam menjayakan program ini.

Secara keseluruhannya, program ini telah berjalan dengan lancar dan mencapai objektif dalam membantu meringankan beban mangsa kebakaran serta memupuk semangat keprihatinan dalam kalangan warga Mahkamah Tawau.

BULETIN @ PSIKOLOGI

BULETIN PSIKOLOGI & AKRAB PKPMP

PROGRAM KONGSI REZEKI SUMBANGAN PAKAIAN TERPAKAI ANJURAN AKRAB MAHKAMAH NEGERI SARAWAK

KUCHING, 9 Februari 2026 - AKRAB Mahkamah Negeri Sarawak telah menganjurkan Program Kongsi Rezeki: "Sumbangan Pakaian Terpakai" bermula 9 hingga 27 Februari 2026 di Kompleks Mahkamah Kuching. Program ini bertujuan membantu golongan asnaf dan mereka yang memerlukan melalui sumbangan pakaian terpakai daripada warga mahkamah serta orang awam. Aktiviti pengasingan pakaian dilaksanakan pada 28 Februari 2026, manakala agihan kepada penerima diadakan pada 7 Mac 2026 di pekarangan Kompleks Mahkamah Kuching. Program ini bertujuan menginfakkan pakaian terpakai yang masih boleh digunakan kepada golongan yang memerlukan serta warga Mahkamah Negeri Sarawak, sekali gus membantu meringankan beban ekonomi mereka. Program ini juga dapat memupuk nilai murni, menyemai sikap prihatin, tanggungjawab sosial serta semangat saling membantu dalam kalangan masyarakat.



PROGRAM TAZKIRAH RAMADAN DAN AGIHAN KURMA ANJURAN AKRAB MAHKAMAH NEGERI PAHANG



KUANTAN, 12 Februari 2026 – AKRAB Mahkamah Negeri Pahang telah menganjurkan Program Tazkirah Ramadan dan Agihan Kurma bersempena Ramadan 1447H bagi menyemarakkan pengisian rohani dan semangat kebersamaan warga Mahkamah Kuantan.

Tazkirah bertajuk “Ahlan Wa Sahlan Ya Ramadan” disampaikan oleh penceramah daripada Pejabat Agama Islam Negeri Pahang, dengan penekanan terhadap persediaan Ramadan dan nilai integriti dalam perkhidmatan.

Seramai 120 warga mahkamah menyertai program ini (88 orang hadir secara fizikal dan 40 orang secara atas talian). Setiap peserta menerima kurma dan sejadah sebagai simbolik sambutan dan mencapai objektif yang ditetapkan.



BULETIN @ PSIKOLOGI

BULETIN PSIKOLOGI & AKRAB PKPMP

PROGRAM *Let's Break @ PSIKOLOGI* Siri 2: “MINDSET SEDIA, RAMADHAN SEJAHTERA”




PUTRAJAYA, 12 Februari 2026 – Cawangan Psikologi, Bahagian Pengurusan, Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia telah menganjurkan Program *Let's Break @ Psikologi* Siri 2: “Mindset Sedia, Ramadan Sejahtera” bertempat di Bilik AKRAB, Istana Kehakiman, Putrajaya. Program berbentuk interaktif dan santai ini bertujuan memberi pendedahan psikopendidikan berkaitan kesejahteraan psikologi di samping meningkatkan kesedaran warga kehakiman tentang kepentingan pengurusan pemikiran dan emosi dalam persekitaran kerja yang mencabar. Program selama tiga jam ini disertai oleh 20 orang peserta dan dikendalikan oleh Encik Muhammad Azdha bin Zakaria, Penolong Pegawai Psikologi (MyStep), melalui sesi ceramah santai serta aktiviti interaktif.

Antara objektif utama program adalah untuk meningkatkan pemahaman warga kehakiman terhadap konsep mindset yang berdaya tahan sebagai asas menghadapi cabaran kerja dan tuntutan kehidupan secara profesional dan berintegriti, memberi pendedahan mengenai asas personaliti DISC serta peranannya dalam mempengaruhi gaya komunikasi, pendekatan kerja dan interaksi interpersonal di tempat kerja, serta membekalkan strategi dan pendekatan praktikal dalam membina ketahanan emosi dan mental. Secara keseluruhannya, program ini telah dilaksanakan dengan lancar tanpa melibatkan sebarang implikasi kewangan dan menerima maklum balas yang amat menggalakkan kerana peserta menyifatkannya sebagai menarik, bermanfaat serta wajar diteruskan dengan penambahan tempoh dan aktiviti pada masa hadapan.

BULETIN @ PSIKOLOGI

BULETIN PSIKOLOGI & AKRAB PKPMP

PROGRAM BOOTH PSIKOLOGI PEJABAT KETUA PENDAFTAR MAHKAMAH PERSEKUTUAN



PUTRAJAYA, 12 Februari 2026 – Cawangan Psikologi, Bahagian Pengurusan, dengan kerjasama AKRAB Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia (PKMP) telah menganjurkan Program Booth Psikologi dan AKRAB (Siri 2) di Bilik AKRAB, Aras 1, Istana Kehakiman, Putrajaya. Program ini bertujuan meningkatkan kesedaran tentang kesihatan mental, pengurusan emosi dan kesejahteraan psikologi serta memperkenalkan perkhidmatan psikologi, kaunseling dan peranan AKRAB melalui pendekatan santai dan mesra pengguna. Seramai 45 orang warga PKPMP telah mengunjungi booth ini dengan pelbagai aktiviti disediakan, antaranya Sesi Bimbingan AKRAB, Ujian-Ujian Psikologi ringkas, Suara Hati Warga Kehakiman, Kuiz Psikologi dan Kaunseling, serta aktiviti terapi kreatif seperti *Clay Art Therapy*, *Theraphy Colouring Relief*, Penanda Buku, *House Tree Person* (HTP), dan Muzik Terapi. Secara keseluruhannya, program ini mendapat sambutan yang menggalakkan daripada warga jabatan.

DISEDIAKAN OLEH: CAWANGAN PSIKOLOGI & AKRAB PEJABAT KETUA PENDAFTAR MAHKAMAH PERSEKUTUAN MALAYSIA

BULETIN @ PSIKOLOGI

BULETIN PSIKOLOGI & AKRAB PKPMP

PROGRAM JUALAN RAHMAH ANJURAN AKRAB & KELAB KEBAJIKAN SUKAN MAHKAMAH NEGERI PULAU PINANG DENGAN KERJASAMA KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI PULAU PINANG (KPDN)

BUTTERWORTH, 12 Februari 2026 – AKRAB & Kelab Kebajikan Sukan Mahkamah Pulau Pinang dengan kerjasama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri (KPDN) telah menganjurkan Program Jualan Rahmah bermula jam 3.00 petang hingga 5.30 petang bertempat di parkir hadapan Kompleks Mahkamah Butterworth. Inisiatif ini bertujuan membantu orang ramai mendapatkan barangan keperluan pada harga yang lebih berpatutan. Program ini menjual pelbagai barangan keperluan asas seperti beras, minyak masak, tepung dan gula pada harga 10% hingga 30% lebih rendah dari harga pasaran.



Program ini mendapat sambutan yang amat menggalakkan daripada penduduk setempat serta warga kerja Mahkamah Butterworth. Penganjuran program ini juga bertepatan dengan perayaan Tahun Baru Cina dan bulan Ramadan yang bakal tiba, sekali gus memudahkan orang ramai membuat persediaan dengan kos yang lebih jimat. Pihak Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Negeri Pulau Pinang turut menyatakan hasrat untuk meneruskan kerjasama dengan AKRAB Mahkamah Pulau Pinang bagi menganjurkan program seumpama ini pada masa akan datang.

PROGRAM: “AGIHAN LIMAU MANDARIN DAN KURMA” ANJURAN AKRAB MAHKAMAH KUALA LUMPUR



KUALA LUMPUR, 13 Februari 2026 – AKRAB Mahkamah Kuala Lumpur telah menganjurkan Program “Agihan Limau Mandarin dan Kurma” yang berlangsung di Lobi Utama di Aras B2, bermula pada pukul 9.30 pagi. Program ini diadakan sempena sambutan Tahun Baharu Cina dan sebagai persediaan menyambut bulan Ramadan, dengan sasaran penyertaan dalam kalangan warga Mahkamah Kuala Lumpur. Seramai 200 orang penerima telah menerima agihan tersebut.

Penganjuran program ini bertujuan untuk menjalin ukhuwah antara Ahli Jawatankuasa AKRAB dengan warga mahkamah, di samping meraikan perayaan Tahun Baharu Cina serta menyemarakkan ketibaan bulan Ramadan. Agihan limau mandarin melambangkan tuah dan kemakmuran, manakala kurma pula sinonim dengan persediaan menyambut Ramadan serta amalan berbuka puasa.

Secara keseluruhannya, program ini dilaksanakan sebagai tanda penghargaan kepada warga mahkamah atas komitmen dan sumbangan mereka dalam perkhidmatan. AKRAB Mahkamah Kuala Lumpur berharap agar inisiatif seumpama ini dapat terus memupuk semangat perpaduan, kebersamaan dan keharmonian dalam kalangan warga kerja.

PROGRAM HEBAHAN INFOGRAFIK ANJURAN AKRAB

MAHKAMAH NEGERI SEMBILAN

NEGERI SEMBILAN, 24 Februari 2026 – AKRAB Mahkamah Negeri Sembilan Program Hebahan Infografik AKRAB: “1 Hari 1 Ilmu” merupakan inisiatif Biro Penerbitan dan Multimedia AKRAB Mahkamah Negeri Sembilan bagi menyampaikan maklumat secara ringkas dan berkesan melalui medium visual.

Infografik yang dikongsikan setiap hari memfokuskan kepada isu-isu psikologi serta kesihatan mental dalam kehidupan seharian dan di tempat kerja.

Pelaksanaan program ini bertujuan memperkukuh penyampaian maklumat, menjadi medium perkongsian ilmu serta meningkatkan kesedaran dan pengetahuan pegawai serta kakitangan mengenai kepentingan kesejahteraan psikologi.

Program ini juga menyokong usaha mewujudkan persekitaran kerja yang lebih sihat, harmoni dan produktif.



BULETIN @ PSIKOLOGI

BULETIN PSIKOLOGI & AKRAB PKPMP

MAJLIS BERBUKA PUASA BERSAMA YAA HAKIM BESAR SABAH & SARAWAK DAN PENGAGIHAN SUMBANGAN BARANGAN ASAS ANJURAN AKRAB MAHKAMAH NEGERI SARAWAK & MAHKAMAH KUCHING



KUCHING, 24 Februari 2026 – AKRAB Mahkamah Negeri Sarawak telah menganjurkan Majlis Berbuka Puasa bersama YAA Hakim Besar Sabah dan Sarawak serta Pengagihan Sumbangan Barangan Asas bertempat di lobi Kompleks Mahkamah Kuching. Majlis tersebut turut dihadiri oleh Hakim-Hakim Mahkamah Persekutuan Malaysia, Hakim-Hakim Mahkamah Tinggi Malaysia serta Pesuruhjaya Kehakiman yang bersama-sama memeriahkan acara berkenaan. Dalam majlis tersebut, YAA Hakim Besar Sabah dan Sarawak turut berkesempatan menyampaikan sumbangan berupa barangan keperluan asas kepada petugas keselamatan, petugas pembersihan serta anak-anak daripada golongan asnaf.

Penganjuran majlis seumpama ini bertujuan memupuk semangat ukhuwah serta mengeratkan hubungan silaturahim antara ahli AKRAB dengan seluruh warga mahkamah di Kuching. Selain itu, majlis berbuka puasa ini turut menjadi wadah untuk mengukuhkan rasa kebersamaan melalui perkongsian juadah berbuka puasa, sekali gus mempererat hubungan sesama warga mahkamah khususnya serta masyarakat Islam amnya.

BULETIN @ PSIKOLOGI

BULETIN PSIKOLOGI & AKRAB PKPMP

PROGRAM *Let's Break @ PSIKOLOGI* Siri 3: “Pause & Puasa”



PUTRAJAYA, 26 Februari 2026 – Cawangan Psikologi, Bahagian Pengurusan, Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia telah menganjurkan Program *Let's Break @ Psikologi* Siri 3: “Pause & Puasa” di Bilik AKRAB, Istana Kehakiman, Putrajaya. Program yang disampaikan oleh Encik Muhammad Azdha bin Zakaria, Penolong Pegawai Psikologi (MySTEP), ini disertai oleh 16 orang peserta daripada Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia.

Program ini bertujuan meningkatkan kesedaran warga kehakiman tentang kepentingan amalan *mindfulness* dalam mengurus emosi dan tekanan secara lebih tenang serta terkawal. Peserta turut didedahkan kepada konsep asas *mindfulness* serta teknik praktikal yang boleh diaplikasikan dalam kehidupan seharian.

Sepanjang program selama tiga jam, peserta terlibat dalam sesi perkongsian santai dan aktiviti interaktif yang menekankan kepentingan berhenti seketika (*pause*) sebelum bertindak, khususnya ketika berhadapan dengan situasi mencabar. Secara keseluruhannya, program ini berjalan lancar, mencapai objektif yang ditetapkan serta menerima maklum balas positif daripada peserta.

BULETIN @ PSIKOLOGI

BULETIN PSIKOLOGI & AKRAB PKPMP

PROGRAM BOOTH PSIKOLOGI & AKRAB PEJABAT KETUA PENDAFTAR MAHKAMAH PERSEKUTUAN



PUTRAJAYA, 26 Februari 2026 – Cawangan Psikologi, Bahagian Pengurusan dengan kerjasama AKRAB Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia (PKPMP) telah menganjurkan Program Booth Psikologi dan AKRAB Bilangan 3 di Bilik AKRAB, Aras 1, Istana Kehakiman, Putrajaya. Program ini bertujuan meningkatkan kesedaran tentang kesihatan mental, pengurusan emosi dan kesejahteraan psikologi serta memperkenalkan perkhidmatan psikologi, kaunseling dan peranan AKRAB melalui pendekatan santai dan mesra pengguna.

Seramai 38 orang warga PKPMP telah mengunjungi booth ini dengan pelbagai aktiviti disediakan, antaranya Sesi Bimbingan AKRAB, Ujian-Ujian Psikologi ringkas, Suara Hati Warga Kehakiman, Kuiz Psikologi dan Kaunseling, serta aktiviti terapi kreatif seperti *Clay Art Therapy*, *Theraphy Colouring Relief*, Penanda Buku, *House, Tree, Person* (HTP) dan Muzik Terapi. Secara keseluruhannya, program ini mendapat sambutan yang menggalakkan daripada warga jabatan.

BULETIN @ PSIKOLOGI

BULETIN PSIKOLOGI & AKRAB PKPMP

MAJLIS GONG XI-FTAR ANJURAN AKRAB MAHKAMAH LAHAD DATU, SABAH

LAHAD DATU, 26 Februari 2026 - AKRAB Mahkamah Lahad Datu telah telah menganjurkan Majlis Gong bersempena sambutan Tahun Baharu Cina 2026 dan Ramadan 1447H. Majlis ini menghimpunkan warga mahkamah, pihak pendakwaan serta kakitangan sokongan dalam suasana penuh muhibah dan harmoni. Seramai 30 orang telah menyertai program ini. Penganjuran program ini bertujuan memupuk perpaduan, mengeratkan silaturahim serta menggalakkan perkongsian ilmu dan nilai positif dalam kalangan warga kerja, di samping menyokong kesejahteraan mental dan mewujudkan persekitaran kerja yang kondusif.

Antara pengisian program termasuk Majlis Berbuka Puasa secara berjemaah, aktiviti Yee Sang sebagai simbol kemakmuran dan perpaduan, sesi perkongsian ilmu serta permainan santai bertemakan kesejahteraan. Dalam sesi perkongsian tersebut, Tuan Ng Juhn Tao sebagai *Deputy Public Prosecutor* telah menyampaikan kata-kata inspirasi berkaitan nilai positif dalam kerjaya serta kepentingan integriti dan profesionalisme dalam perkhidmatan. Secara keseluruhannya, majlis ini berjaya mencapai objektif yang ditetapkan dan wajar diteruskan sebagai platform memperkukuh hubungan serta menyemai budaya kerja yang harmoni dan sejahtera.

